

**Dakwat Kekal: Jabatan Peguam Negara Terima Lebih 100 Aduan
Bernama
6 Mei, 2013**

PUTRAJAYA, 6 Mei (Bernama) -- Jabatan Peguam Negara menerima lebih 100 aduan berhubung penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya umum ke-13, kata Ketua Bahagian Pendakwaan jabatan itu Abdul Wahab Mohamed.

Beliau berkata Jabatan Peguam Negara telah menyerahkan aduan berkenaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk siasatan lanjut.

"Aduan pertama ialah berhubung kesan dakwat kekal yang luntur diterima dari Port Dickson, Negeri Sembilan pada 30 April lepas," katanya pada sidang berita di sini.

Menurut beliau lima lelaki akan dihadapkan ke Mahkamah Majistret masing-masing di Klang, Kangar, Perlis, Kampar, Perak, Kuala Terengganu dan Petaling Jaya, Selasa berkaitan kesalahan pilihan raya.

Mereka akan didakwa terhadap pertuduhan menyebabkan kecederaan terhadap mangsa dan melakukan khianat.

Dari 3 Mei hingga hari ini, jumlah kes berkaitan pilihan raya yang diarahkan untuk siasatan lanjut ialah 665 sementara 181 kes tiada tindakan lanjut, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947928>